



PERBADANAN SUKAN SARAWAK

NOTIS SEBUTHARGA

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada Kontraktor / Pembekal yang berdaftar dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)** dalam **Kategori dan Jenis Pendaftaran** yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi bekalan dan perkhidmatan berikut:-

NO. RUJ. SEBUTHARGA	TAJUK SEBUTHARGA	KATEGORI, KEPALA & SUB-KEPALA		JENIS TAWARAN	YURAN DOKUMEN (RM)	TARIKH TUTUP PENGAMBILAN / PENJUALAN DOKUMEN SEBUTHARGA	TARIKH TUTUP DAN MASA PENYERAHAN DOKUMEN SEBUTHARGA
SSC/Q/23/2022	MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENYUSUN PERABOT DAN KELENGKAPAN PEJABAT KE PERBADANAN SUKAN SARAWAK MENGIKUT KEPERLUAN BAGI BAHAGIAN KUCHING (PETRA JAYA, PADUNGAN, DAN SANTUBONG) UNTUK TEMPOH DUA (2) TAHUN [2022 - 2024]	Kategori C		TERBUKA	DIBAYAR DALAM BENTUK BANK DRAF/TUNAI ATAS NAMA “PERBADANAN SUKAN SARAWAK” RM50.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)	16 November 2022 – 22 November 2022	23 November 2022 12.00 tengahari
		Kepala IV				8.30pagi-01.00petang	
		Sub-Kepala	9(a)			2.00 petang-4.30 petang	

2. Dokumen Sebut Harga hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / Pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ)**, **SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA** (jika berkenaan) dan **SURAT PERWAKILAN KUASA** (jika berkenaan) sebelum dokumen sebut harga dijual kepada kontraktor / pembekal yang layak.
3. Bayaran Yuran Dokumen Sebut Harga hendaklah dibuat dalam bentuk **BANK DRAF /TUNAI** yang dibayar ke atas nama Perbadanan Sukan Sarawak dan pembayaran boleh dibuat Unit Akaun, Pusat Akuatik Pandelega Rinong, Jalan Stadium, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak.

4. Contoh Dokumen Sebut Harga (*Dokumen Meja Sebut Harga*) boleh disemak dan Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi mulai **16 November 2022 – 22 November 2022** pada waktu pejabat di alamat **Unit Akaun, Pusat Akuatik Pandelega Rinong, Jalan Stadium, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak**.
5. Penyebutharga adalah dikehendaki untuk mengemukakan dokumen sebutharga lebih awal dari tarikh dan masa tutup yang ditetapkan untuk mengelakkan kesukaran dan kesulitan semasa berurusan untuk mengemukakan dokumen sebutharga pada hari sebutharga ditutup.
6. Ini adalah berikutan arahan atau peraturan khusus yang perlu dipatuhi oleh pelawat sebelum memasuki premis kerajaan dan bagi memastikan petender sebelum tarikh dan masa tutup sebutharga.
7. Perbadanan Sukan Sarawak tidak akan bertanggungjawab sekiranya penyebut harga lewat untuk mengemukakan dokumen sebut harga pada masa dan tarikh yang ditetapkan disebabkan arahan atau peraturan khusus yang perlu dipatuhi sebelum memasuki premis kerajaan.
8. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik / Wakil Syarikat / Firma ke dalam Peti Tawaran dengan menggunakan **sampul berlakri** serta mempunyai catatan **Nombor Rujukan Sebut Harga** dan **Tajuk Sebut Harga**. Dokumen Sebut Harga hendaklah diserahkan selewat-lewatnya **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup di alamat seperti di bawah:-

Pengerusi
c/o Jawatankuasa Sebut Harga
Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Tingkat 2, Stadium Sarawak
Jalan Stadium, Petra Jaya
93050 Kuching, Sarawak

9. Dokumen Sebut Harga yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.
10. Perbadanan Sukan Sarawak tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.

.....
Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Sukan Sarawak